# Tindakan tatatertib penjawat awam enggan terima vaksin

Oktober 22, 2021 @ 3:18pm



Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali menerima suntikan dos penggalak vaksin COVID-19 daripada Pengarah Kesihatan Labuan Dr Ismuni Bohari di Pusat Pemberian Vaksin Klinik Kesihatan Membedai hari ini. Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Labuan Rithuan Ismail (tengah). - foto BERNAMA

LABUAN: Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali meminta semua penjawat awam agar patuh kepada pekeliling dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang mewajibkan mereka melengkapkan suntikan vaksin COVID-19 sebelum 1 November ini.

Katanya, tindakan tatatertib boleh diambil kepada penjawat awam yang enggan memberi kerjasama menerima vaksin.

"Kalau mengikut pekeliling dan dari segi peraturan, penjawat awam harus patuh dengan apa yang telah diputuskan oleh pihak ketua jabatan masing-masing.

"Dalam konteks ini, memang akan ada tindakan mungkin diambil sekiranya mereka masih enggan untuk divaksin.

"Jadi, pada kesempatan ini, saya menyeru kepada semua penjawat awam untuk memberikan kerjasama memastikan diri mereka lengkap divaksinasi sebelum tarikh yang ditetapkan oleh JPA," katanya selepas menerima dos penggalak di pusat pemberian vaksin Klinik Kesihatan Membedai, hari ini.

Mohd Zuki berkata selepas semua negeri beralih ke Fasa Empat Pelan Pemulihan Negara (PPN), operasi di semua pejabat kerajaan akan dibuka semula.

"Untuk mengelakkan ketidakselesaan, apabila tidak divaksin dan datang ke pejabat, ia akan memberikan kesan atau anggapan negatif dalam kalangan mereka yang telah divaksin. Penjawat awam di Labuan yang telah menerima vaksin melebihi 90 peratus, iaitu sama dengan peratusan seluruh negara," katanya.

Ketika ini, kelompok penjawat awam di seluruh negara yang belum mendaftar untuk divaksin adalah seramai 16,902 orang.

JPA menerusi kenyataan akhbar pada 30 Oktober lalu memaklumkan, keputusan mewajibkan suntikan vaksin kepada penjawat awam itu dibuat bagi memberikan keyakinan dan jaminan kepada orang awam serta memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat.

Menurutnya, ia juga selari dengan usaha mengembalikan perkhidmatan kerajaan pada tahap pengoperasian penuh berdasarkan fasa-fasa PPN. – BERNAMA